



Tuan atau Puan yang dihormati:

Sony Pictures Entertainment ("SPE") menulis untuk menyediakan anda maklumat mengenai gangguan sistem penting SPE alami pada hari Isnin, 24 November, 2014.

SPE telah menentukan punca gangguan tersebut adalah serangan siber. Selepas mengenal pasti gangguan tersebut, SPE telah mengambil tindakan segera untuk membendung serangan siber, melibatkan perunding keselamatan yang diiktiraf dan menghubungi penguatkuasa undang-undang.

SPE mengetahui pada 1 Disember, 2014, bahawa keselamatan maklumat peribadi anda dimana SPE menerima mengenai anda sepanjang tempoh anda bekerja dengan SPE mungkin terjejas akibat serangan siber tersebut. Walaupun SPE masih dalam proses menyiasat skop serangan siber ini, SPE percaya bahawa maklumat peribadi jenis berikut yang anda berikan kepada SPE mungkin telah diperoleh oleh individu tanpa kebenaran: (i) nama, (ii) alamat, (iii) nombor keselamatan sosial, nombor lesen pemandu, nombor passport, dan/atau pengenalan kerajaan yang lain, (iv) maklumat akaun bank, (v) maklumat kad kredit untuk perjalanan korporat dan perbelanjaan korporat, (vi) nama pengguna dan kata laluan, (vii) pampasan, (viii) maklumat berkenaan pekerjaan lain, and (ix) maklumat kesihatan/perubatan yang anda mungkin berikan kepada SPE.

SPE telah membuat pengaturan dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga, AllClear ID, untuk menawarkan pekerja pengeluaran yang kemungkinan terjejas dua belas (12) bulan perkhidmatan-perkhidmatan perlindungan identiti tanpa sebarang bayaran. Jika anda percaya bahawa anda layak untuk perkhidmatan ini dan belum menerima maklumat pendaftaran anda, sila hubungi kami di nombor di bawah.

Untuk keselamatan anda, SPE menggalakkan anda supaya sedar terutamanya akan penipuan e-mel, telefon, dan mel pos yang meminta maklumat peribadi atau sensitif. Baik SPE mahupun sesiapa yang bertindak bagi pihaknya tidak akan menghubungi anda dalam apa jua cara, termasuk melalui e-mel, meminta nombor kad kredit, nombor keselamatan social/pengenalpastian kerajaan atau maklumat peribadi lain. Jika anda diminta maklumat tersebut, anda boleh yakin bahawa SPE bukan entiti yang membuat permintaan tersebut. Untuk melindungi anda daripada kemungkinan kecurian identiti atau kerugian kewangan lain, SPE menggalakkan anda supaya sentiasa berwaspada, menyemak penyata akaun anda, memantau laporan kredit anda setakat mana yang boleh didapati, dan menukar kata laluan anda.

Sila hubungi kami di (512) 201-2183 jika anda mempunyai sebarang soalan tambahan atau jika anda ingin surat ini diterjemahkan ke dalam bahasa lain.